



Kepandaian Orang Melayu dalam mentafsir ruang perubatan tradisional

Yusmilayati Yunos, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Muammar Ghadaffi Hanafiah,
Mohd Norizam Jamian

Pusat Penyelidikan Bitara Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor,
Malaysia

Correspondence: Yusmilayati Yunos (yusmila@ukm.edu.my)

Abstrak

Kepandaian orang Melayu dapat dilihat dalam pelbagai bidang ilmu dan salah satunya ilmu berkaitan pengubatan tradisional. Sumber pengubatan tradisional dalam bentuk dokumentasi dapat dilihat melalui teks-teks perubatan yang terdiri daripada Kitab Tib yang mengandungi pelbagai jenis penyakit, cara rawatan, bahan untuk penyembuhan dan pandangan dunia Melayu terhadap kesihatan tubuh badan manusia. Kemahiran orang Melayu menguasai tulisan Jawi membolehkan orang Melayu membaca Kitab Tib dan dimanfaatkan, namun perlu berguru dengan orang yang menguasai bidang berkenaan. Antara tujuan penulisan ini ialah menjelaskan kepandaian orang Melayu memahami maksud tersirat yang dilakarkan dalam bentuk wafak (wifik) yang terdapat dalam kitab perubatan. Penulisan ini menggunakan *Mujarrobot Melayu* sebagai sumber data. Kajian ini berbentuk kualitatif dan kaedah analisis kandungan digunakan. Bagi melengkapkan maklumat, temu bual secara mendalam dilakukan dengan pengamal pengubatan tradisional yang terdiri daripada dukun dan bidan kampung. Dapatan penulisan ini menunjukkan teks perubatan merakamkan pelbagai hal berkait kesihatan lelaki dan wanita yang menjadi satu sumber rujukan kepada pengamal pengubatan tradisional. Dalam jangka masa panjang masyarakat Melayu boleh memanfaatkan ilmu pengubatan tradisional yang sesuai sebagai satu cara pengubatan alternatif.

Kata Kunci: kepandaian, kesihatan, manfaat, *Mujarrobot Melayu*, pengubatan

The Malay Diligence of interpreting the traditional medicinal space

Abstract

Malay talent can be seen in various fields of science and one of them relates to the treatment of traditional medicine. The source of the traditional medicine in the form of documentation can be seen through medical texts that consist of Kitab Tib containing variety of diseases, treatment methods, ingredients for healing and worldview of the Malays on the health of the human body. Jawi writing skills enable the Malays to read the Kitab Tib, used it daily, but limited only to those who are dominating in the field. The purpose of this paper is to explain the diligence of the Malays in understanding the double meaning sketched in the form wafak (wifik) found in medical books. Writing this using *Mujarrobot Melayu* as the data source. This research is qualitative, and content analysis method was used. For complete information, in-depth interviews were conducted among the traditional practitioners consisting of village healer and midwife. The findings of this study indicate a medical text to express various aspects related to men's health and women was the key references for traditional practitioners. In the long run the community can benefit from the knowledge of traditional medicine as an alternative treatment.

Keywords: diligence, health, benefits, *Mujarrobot Melayu*, healing.

Pengenalan

Ilmu mencerminkan tahap ketamadunan dan pemikiran sesuatu bangsa. Oleh yang demikian, untuk mengenali sesuatu bangsa dan ketamadunannya, kita wajar meneliti dan menyelami himpunan atau khazanah ilmunya yang tersurat dalam hasil persuratan seperti buku atau kitab yang dihasilkan oleh cerdik pandai masyarakat itu. Penelitian terhadap khazanah ilmu itu merupakan satu catatan etnografi iaitu deskripsi budaya masyarakat berkenaan. Hal ini bermakna, hasil persuratan itu boleh diteliti dari pelbagai sudut. Misalnya kitab tib atau perubatan hanya dilihat sebagai kitab yang memperkatakan panduan untuk mengubat. Dengan kata lain kitab tib atau kitab kesihatan itu dilihat bukan semata-mata sebagai kitab tib atau kesihatan tetapi lebih daripada itu, iaitu sebagai manifestasi pemikiran masyarakat Melayu pada masa itu dalam usaha mereka memahami dan menangani masalah kesihatan yang mereka hadapi (Hashim Awang, 2010).

Metodologi

Kajian ini berbentuk kualitatif dan berteraskan analisis kandungan teks. Teks *Mujarrobat Melayu* digunakan sebagai sumber dalam penulisan ini. Bagi melengkapkan data kaedah temu bual mendalam turut dilakukan. Temu bual dijalankan dengan bomoh dan bidan kampung serta pesakit bagi memperoleh data.

Hasil dan perbincangan

Lambang keintelektualan Melayu

Intelek bermaksud kemampuan seseorang untuk mengetahui atau menerima pengetahuan. Semakin berkembang intelek seseorang, semakin besar kemampuannya untuk berfikir secara rasional. Berfikir secara rasional bererti berfikir dengan akal yang sihat, tidak dipengaruhi perasaan dan mampu menerapkan pengetahuan yang dimiliki secara tepat untuk menghadapi satu situasi baru (*Ensiklopedi Nasional Indonesia*, 1989: 189). Intelektual pula bermaksud orang (kaum, golongan) terpelajar, cerdik pandai, cendekiawan, mempunyai kemampuan yang tinggi untuk berfikir (menggunakan akal budi) dan keintelektualan pula bermaksud perihal (kemampuan) menggunakan intelek atau akal budi yang ada pada manusia, sifat intelektual, kebijaksanaan (*Kamus Ensiklopedia*, 1997: 348). Selain itu, intelektual bermaksud seorang yang dihormati dari sudut bidang keilmuannya. Menurut kefahaman majoriti sarjana barat, intelektual itu ialah ahli akademik yang mesti mahir dalam satu-satu bidang keilmuan. Atas kemahiran satu bidang ilmu tersebut, barat telah menjenamakan mereka ini dengan diberi anugerah seperti Profesor, Profesor Adjung, Profesor Emeritus dan Profesor Ulung. Justeru itu, keintelektualan Melayu bermakna kemampuan dan kebijaksanaan orang Melayu berfikir dan menerapkan ilmu pengetahuan dalam apa jua bidang termasuklah dalam bidang pengubatan tradisional (Jalaluddin Abdul Malek, 2014).

Berhubung dengan hal tersebut terdapat beberapa jenis manusia intelektual. Mereka boleh dilihat berdasarkan dua sudut. Pertama dari sudut sumbangan ilmu yang diberi dan yang

kedua dari sudut sifat humanisme manusia intelektual. Dari sudut sumbangan ilmu, jenis intelektual ini boleh dibahagikan kepada lima jenis. Pertama, Intelpek pasif (Passive intellectual) iaitu golongan intelektual yang berpotensi memahami dan berfikir secara abstrak, dan berusaha untuk menjelaskan ilmu tersebut kepada orang ramai. Kedua, Intelektual aktif (Active intellectual) iaitu golongan intelektual yang produktif yang berusaha mengeluarkan ilmu baru atau teori baru. Berdasarkan penemuan baru itu ia direalisasikan menjadi ilmu untuk kegunaan orang ramai. Ketiga, Intelektual sebenar (Actual intellectual) iaitu golongan intelektual yang sebenar dan yang semulajadi kerana sejak dilahirkan mereka ini bijak, pintar, bestari dan mudah menerima ilmu. Keempat, Intelektual terbina (Acquired intellectual) iaitu golongan intelektual yang muncul kerana daya usaha seseorang itu mencari kemahiran dan mendapat sesuatu ilmu kemahiran. Pada akhirnya menjadi orang pintar dan kepintarannya pula diiktiraf oleh masyarakat. Kelima, Intelektual sejagat (Universal intellectual) iaitu golongan intelektual yang muncul kerana berasaskan hujah, bukti dan sebab musabab yang disumbangkan untuk kemajuan sejagat. Mereka mempunyai kefahaman yang jelas dan diakui oleh semua pihak tentang kebijakannya menghurai sesuatu ilmu demi faedah sejagat (Jalaluddin Abdul Malek, 2014).

Sekiranya dirujuk kepada bidang tersebut di atas, keintelektualan minda Melayu boleh dilihat menerusi perawat-perawat tradisional yang mempunyai kemahiran dalam bidang masing-masing. Contohnya bidan mempunyai kepakaran dalam bidang menyambut kelahiran bayi. Dalam masyarakat Melayu tradisional, bidan berperanan penting menjaga kesihatan dan mencegah sebarang keuzuran dari peringkat awal kehamilan seseorang wanita sehinggalah selepas bersalin. Namun demikian bidan juga bertanggungjawab dan pakar dalam sistem rawatanurut mengurut selepas bersalin. Noor Azlan (2002) menyatakan dalam masyarakat Melayu, terdapat adat meminang atau menempah bidan yang dilakukan oleh anggota komuniti yang memerlukan perkhidmatan bidan. Menurutnya, secara umum tugas bidan kampung dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu peringkat sebelum bersalin, semasa dan selepas bersalin. Bidan juga turut mengurut individu tertentu yang mempunyai masalah tersendiri dan tidak menghadkannya kepada urut selepas bersalin sahaja.

Begitu juga dengan bomoh diertikan sebagai orang yang mencari pesakit serta menawar penyakit tanpa diminta (Nurhalim Haji Ibrahim, 1997). Skeat pula mengatakan bahawa bomoh mengubati penyakit sedangkan pawang menggunakan magis (Haliza Mohd Riji, 2000). Manakala Mohd Taib Osman (1977) menyatakan seorang bomoh ialah ahli dalam bidang perubatan dalam masyarakat dan kebudayaan Melayu tradisional. Dalam masyarakat Melayu bomoh dikatakan berasal daripada Luqman Al-Hakim. Beliau dalam tulisannya menyatakan “bomoh merujuk kepada seorang pengamal yang merawat orang sakit dan mengubati keuzuran.”

Secara umumnya gelaran bomoh diberikan kepada individu yang mempunyai kemahiran dalam bidang pengubatan tradisional. Dalam menjalankan proses pengubatan mereka turut mengamalkan magis sebagai satu kaedah utama dalam urusan perubatan. Dalam masyarakat Melayu bomoh mempunyai empat peranan yang penting iaitu mengubat, memberikan nasihat berkaitan sihir atau ilmu hitam, menghalau hantu-syaitan apabila diperlukan selain mencadangkan serta menentukan larangan untuk kelicinan urusan kehidupan harian (Hartini Mohd. Nawi, 2006). Kepandaian bomoh dalam mengubati pesakit yang berunsur mistik menyebabkan mereka dipercayai oleh penduduk kampung untuk mengubati pesakit dan meminta petua untuk menghalang unsur-unsur mistik daripada mengganggu kehidupan masyarakat. Hal ini bermakna, tidak semua masyarakat mempunyai kemahiran tersebut. Hanya orang yang benar-benar layak sahaja diperturunkan ilmu perubatan tersebut (Muhammad Ridhwan Sarifin & Mohamad Fauzi Sukimi, 2016).

Keintelektualan minda Melayu juga dapat dilihat menerusi perawat yang bergelar pawang. Mereka dianggap individu yang mempunyai kebolehan yang istimewa untuk melakukan sesuatu (biasanya dengan kuasa ghaib). Pawang juga didefinisikan sebagai orang yang pandai mengubati orang sakit dan sebagainya (dengan menggunakan jampi mantera dan lain-lain). Selanjutnya perkataan bahasa Malaysia yang mempunyai erti atau makna yang sama dengan perkataan pawang ialah bomoh dan dukun.

Hal ini dipersetujui oleh Mohd Taib Osman (1977) yang mengatakan pawang ialah orang yang boleh menghubungkan kuasa alam ghaib yang mana biasanya memimpin atau mengetuai pelbagai upacara seperti pembukaan tanah baru, memuja pelbagai kuasa ghaib yang mana biasanya memimpin atau mengetuai pelbagai kuasa ghaib di laut untuk para nelayan atau memujuk kuasa ghaib yang dijangka akan menyerang sesuatu tempat (Jahid Sidek, 2004). Pawang turut dihubungkan dengan penggunaan magis kerana kebolehan mereka berhubung dengan makhluk ghaib. Peranan mereka bukan sahaja penting dalam kegiatan-kegiatan ekonomi, malah dalam hal-hal keselamatan kampung. Dalam hubungan ini Colson (1969) menyatakan bahawa dalam upacara 'bela kampung' pawang menabur bertih untuk menandakan sempadan selamat bagi penduduk daripada gangguan penyakit berjangkit (Jahid Sidek, 2004). Tugas pawang ialah melakukan upacara-upacara tertentu seperti mententeramkan tenaga alam, menjamin hasil pertanian dan mendapatkan tangkapan ikan yang baik. Pawang juga berfungsi melakukan upacara untuk ketenteraman kampung (Amran Kasimin, 1991).

Biasanya kebolehan pawang sering dikaitkan dengan kebolehan dalam sesuatu bidang sahaja, misalnya dalam bidang berkaitan buaya, harimau, ular dan sebagainya. Mohd. Taib Osman (1977) menyatakan setiap pawang adalah bomoh tetapi bukan semua bomoh adalah pawang. Jika wujud masalah, pawang hanya mempunyai kepakaran yang tinggi dalam bidang dan keahliannya sahaja, dan seolah-olah ada pengkhususan dalam menjalankan tugas-tugas yang diminta. Walau bagaimanapun pawang mampu menjalankan tugas-tugas seorang bomoh.

Dukun pula ialah orang berilmu yang berkebolehan mengubati orang sakit atau memberi ubat cara kampung, manakala tabib ialah orang yang ahli dalam hal-hal dan cara-cara mengubat penyakit serta berpengetahuan tentang ubat-ubatan (Haliza Mohd Riji, 2000). Walaupun mereka diberi gelaran yang berbeza-beza, tetapi tugas utama mereka hanya satu iaitu merawat dan mengubati pesakit dengan cara masing-masing. Dalam kepercayaan tradisi Melayu, bomoh, pawang dan dukun dipercayai mempunyai tugas menghubungkan manusia nyata dengan manusia alam 'supernatural'.

Keintelektualan tokoh dalam bidang pengubatan tradisional juga dapat dilihat menerusi cara seseorang pengamal perubatan mendapatkan ilmu mereka. Dalam masyarakat Melayu terdapat dua istilah yang agak berbeza maksudnya, meskipun kedua-duanya berkait dengan ilmu pengetahuan. Pertama, istilah "orang berilmu". Istilah ini dalam erti yang khusus merujuk mereka yang mempunyai ilmu batin, iaitu ilmu magis (kebal, ghaib, mengubat). Kedua, "orang alim". "Orang alim" merujuk mereka yang mempunyai keagamaan (Islam). Kedua-dua istilah ini juga membawa maksud beramal. "Orang berilmu" beramal dengan ilmu magisnya sehingga dia mampu melakukan sesuatu yang luar biasa dan "orang alim" beramal dengan ilmu agamanya sehingga dia juga boleh melakukan sesuatu yang luar biasa (Hanapi Dollah, 2005). Justeru itu "orang berilmu" sering dikaitkan dengan bidang perubatan tradisional yang sangat popular di kalangan masyarakat Melayu. Ilmu-ilmu perbomohan dituntut melalui orang yang benar-benar pakar dalam bidang perubatan.

Dalam bidang rawatan pengubatan tradisional, seringkali istilah berilmu digunakan. Perkataan berilmu merujuk kepada orang yang mempunyai banyak ilmu, pandai, berpengetahuan

(*Kamus Ensiklopedia* 1997). Bagi masyarakat Melayu misalnya orang berilmu dikaitkan dengan orang yang pandai dalam ilmu-ilmu tertentu seperti ilmu agama dan ilmu pengobatan tradisional. Mereka dikatakan mampu mendalami bidang masing-masing sehingga dihormati dan berperanan penting dalam masyarakat.

Jika dikaitkan dengan bidang pengobatan tradisional, ilmu berhubung mengenainya adalah sukar diperolehi kerana pengamal perlu melalui beberapa ujian untuk mendapatkan ilmu tersebut seperti melalui pertapaan dan menghadapi ujian-ujian lain untuk melihat tahap kekuatan diri seseorang. Misalnya dalam cerita *Seniman Bujang Lapok* yang memperlihatkan senario ini. Tiga watak utamanya (Ramli, Sudin dan Aziz) dikehendaki menghafal beberapa mentera dan menduduki ujian ketahanan diri di kawasan-kawasan tertentu untuk mendapatkan ilmu. Mereka perlu memenuhi kriteria tersebut untuk memenuhi syarat menjadi seorang pesilat.

Setiap pengamal pengobatan tradisional selalunya mendapat ilmu perbomohan melalui proses menuntut atau belajar ilmu perbomohan daripada seorang ‘bomoh besar’. Proses menuntut ilmu ini dilakukan oleh seseorang yang benar-benar berminat dalam bidang yang diinginkannya. Biasanya hal semikian dilakukan oleh individu yang benar-benar berminat untuk mendalami ilmu perbomohan. Keadaan ini diakui oleh seorang dukun (Abon Haji Abdul Samad, 2006) yang telah mempelajari ilmu perdukunan sejak usianya 20 tahun. Ilmu tersebut dipelajarinya daripada seorang bomoh berasal dari Indonesia dan amalan-amalan yang digunakan dalam bentuk bahasa Jawa. Oleh kerana minatnya yang sangat mendalam dalam bidang tersebut dia juga pernah menjadi pengantara (badal) bagi seorang bomoh asli selama setahun.

Jika dikaitkan dengan ajaran Islam, manusia hidup dalam kesejahteraan dan Islam mengarahkan penganutnya supaya berilmu. Untuk mendapatkan ilmu, seseorang mesti menuntut ilmu daripada orang yang berilmu. Ilmu, mengikut Islam adalah luas sekali merangkumi hal-hal yang bersangkutan dunia dan yang bersangkutan akhirat. Melalui ilmu manusia boleh memenuhi keperluan dirinya dan mengendalikan kelompok dan persekitarannya. Hal ini selaras dengan pandangan Islam yang mengatakan pendidikan formal dipelajari sejak seorang kanak-kanak itu lahir hingga dia mati. Imam Syafie mengatakan:

“Tuntutlah ilmu sejak dari buaian lagi hingga ke liang lahad”.

Islam telah membahagikan ilmu kepada dua bahagian iaitu ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah. Imam al-Ghazali telah menafsirkan ilmu fardu ain itu sebagai ilmu yang ditugaskan kepada hamba Allah SWT yang berakal dan baligh untuk mengamalkannya (Mohd Ali Abu Bakar, 1988). Ilmu-ilmu ini wajib dipelajari oleh setiap individu muslim dan muslimah. Ilmu fardu kifayah pula ialah bidang-bidang ilmu yang wajib dipelajari oleh sebahagian daripada umat Islam. Hal ini kerana ia amat diperlukan di dalam kehidupan untuk menjamin keselesaan dan ketenteraman hidup manusia. Imam Ghazali telah memberikan ilmu fardu kifayah kepada dua iaitu ilmu syariat dan ilmu bukan syariat. Ilmu syariat termasuklah mendalami ilmu tafsir, ilmu hadis, ilmu qiraat dan sebagainya. Manakala yang buka fardu kifayah, beliau menjelaskan seperti berikut:

“Yang fardu kifayah ialah tiap-tiap ilmu yang tidak dapat diketepikan alam penegakan urusan dunia seperti ilmu kedokteran kerana kepentingan pemeliharaan tubuh manusia” (Mohd Ali Abu Bakar, 1988:12).

Penjelasan tersebut menunjukkan ilmu pengobatan merupakan salah satu ilmu fardu kifayah yang mesti dituntut oleh sebahagian umat Islam. Jika tidak, kesemua umat Islam di sesuatu kawasan akan menanggung dosa.

Hubungan pencipta, manusia dan alam

Manusia, alam dan Pencipta (Allah) merupakan talian yang tidak dapat dipisahkan. Manusia tidak akan hidup tanpa alam kerana alam memainkan peranan yang amat dominan terhadap manusia. Agama Islam yang dianuti oleh masyarakat Melayu menekankan bahawa Allah berkuasa melakukan apa sahaja yang dikehendakiNya. Segala penyakit datangnya daripada Allah dan hanya dia yang menyembuhkan penyakit. Selain daripada konsep 'kekuasaan', konsep 'keadilan' Allah juga berkait rapat dengan penyakit yang menimpa seseorang. Masyarakat Melayu percaya sesuatu penyakit itu terjadi kerana pesakit tersebut telah melakukan dosa atau melanggar ajaran Islam. Atas dasar 'perbuatan baik dibalas baik dan perbuatan jahat dibalas dengan keburukan', penyakit dibalas oleh Allah ke atas pesakit tersebut kerana dosa yang telah dilakukannya (Amran Kasimin dan Zulkarnain Zakaria, 1994).


Perkaitan atau hubungan manusia dan Pencipta dalam pengubatan tradisional dapat dilihat melalui penggunaan doa yang merupakan agen penyembuh penyakit. Doa bermakna suatu bentuk permohonan atau permintaan yang dilakukan oleh manusia kepada Tuhan (Allah). Ia juga bermakna kebaikan yang diminta dengan restu daripada Tuhan. Doa merupakan potongan ayat yang diambil daripada al-Quran (hadis) yang dibaca untuk memohon sesuatu kebaikan daripada Tuhan yang diyakini mampu untuk merawat penyakit dalaman dan luaran.

Dalam *Mujarrobot Melayu* misalnya penyembuh kesakitan tidak hanya tertumpu kepada bahan-bahan yang diperolehi daripada alam sekeliling tetapi ia juga turut menggunakan unsur-unsur lain seperti ayat al-Quran sebagai doa untuk penyembuhan. Misalnya surah Yassin dinyatakan dapat mengubati segala penyakit. Selain itu, ia juga turut menyatakan ayat yang boleh digunakan untuk merawat seratus empat puluh penyakit seperti berikut:

(Dan ketahui) olehmu telah mencahaya oleh Allah Taala akan dikau dan kami dengan cahaya Quran bahawasanya aku surat banyak daripada hadis dan perkataan ulama daripada bicara kelebihan surat Yassin dan segala faedahnya dan rahsianya dan aku pandangkan segala perkara dengan sebab aku bacakan dia dan diisti'mal akan dia pada tanggung dan minum bagi menyembuhkan dari orang yang sakit dan tersebut di dalam hadis bermula barangsiapa mebacakan dia kemudian minumkan dia dimasukkan ke dalam rongganya seribu ubat dan seribu cahaya dan seribu berkat dan seribu rahmat daripada Allah SWT dan mencabutlah ia daripadanya segala penyakit ... (*Mujarrobot Melayu*, 1882: 10)

(Bab ini pada menyatakan) ubat segala penyakit yang seratus empat puluh dalam dunia ini disurat pada mangkuk putih basah dengan air diberi minum tujuh kali berturut-turut atai tiga kali pagi-pagi ...((*Mujarrobot Melayu*, 1882: 96)

Selain itu, bagi masyarakat Melayu tradisional, bahan-bahan perubatan yang digunakan berkaitan dengan pandangan dunia dan persekitaran mereka. Tumbuh-tumbuhan dan binatang yang terdapat di persekitaran mereka sebahagiannya digunakan untuk tujuan perubatan. Masyarakat tradisional percaya bahawa sesetengah binatang dan juga tumbuh-tumbuhan mempunyai khasiat tertentu dan mampu serta berupaya menyembuhkan penyakit-penyakit tertentu. Oleh itu binatang dan tumbuh-tumbuhan akan digunakan sebagai bahan-bahan perubatan dan dikatakan mempunyai khasiat menyembuhkan pelbagai jenis penyakit.



Rajah 1. Hubungan antara Pencipta, manusia dan alam

Dari aspek bahan pengubatan, teks *Mujarrobat Melayu* misalnya memaparkan pelbagai nama dan khasiat tumbuhan yang terdapat di sekeliling kita untuk digunakan sebagai ramuan bagi menyembuhkan pelbagai jenis penyakit. Tumbuhan yang digunakan untuk rawatan penyakit dipilih daripada pokok tertentu yang dikatakan mempunyai khasiatnya yang tersendiri. Pemilihan tumbuhan bukan hanya daripada daun tetapi buahnya juga turut dijadikan sebagai bahan pengubatan. Buah-buah tersebut ada yang digunakan bijinya, kulitnya dan akarnya untuk tujuan mengubati pelbagai penyakit. Pemilihan tumbuhan dalam perubatan Melayu dikatakan perlu memenuhi syarat-syarat tertentu kerana kandungannya dikatakan mempunyai khasiat yang tersembunyi untuk menyembuhkan penyakit (Ab. Razak Ab. Karim, 2006). Di sinilah terletaknya kecekapan dan kebijakan masyarakat Melayu dalam memilih tumbuhan yang sesuai digunakan untuk merawat penyakit tertentu. Tanpa mendapatkan pendidikan formal mereka berupaya mengenali pelbagai jenis tumbuhan dan kaedah menggunakannya.

Jurry Foo@Jurry bt. F Michael1 et al. (2014) ada menjelaskan tentang konsep kelestarian terhadap tumbuhan ubatan dan potensinya untuk memenuhi keperluan pada masa kini dan akan datang. Kini masyarakat telah melihat tumbuhan ubatan yang digunakan secara tradisional menjadi satu bentuk rawatan alternatif kepada perubatan moden. Kajian beliau berkenaan pasar Tamu di Pantai Barat Sabah terkenal dengan penjualan sekurang-kurangnya 59 spesies tumbuhan ubatan. Bagaimanapun hanya 11 spesies dikenal pasti sebagai spesies yang paling popular dan sentiasa ditawarkan sebagai produk jualan di tamu tersebut iaitu Raja kayu (*Koompassia malaccensis*), Hampan (*Tidak dikenal pasti*), Akar embun (*Usnea sp.*), Kayu ubat resdung (*Tidak dikenal pasti*), Sarang semut (*Myrmecodia sp.*), Jerangau merah (*Boesenbergia stenophylla*), Mas cotek (*Ficus deltoidea*), Kokos Putih (*Dichapetalum sp.*), Tongkat Ali (*Eurycoma longifolia*), Tongkat Ali Hitam (*Polyathia Bullata*) dan Mahkota Dewa (*Phaleria Papuana*).

Berhubung dengan hal tersebut penggunaan tumbuhan sebagai bahan perubatan banyak tercatat dalam kitab-kitab perubatan lama. Khasiatnya kepada tubuh badan dan kesihatan menyebabkan kitab sedemikian menjadi sumber rujukan kepada pengamal pengubatan tradisional. Misalnya penggunaan bawang merah sebagai ubat untuk merawat luka terkena api dan bawang putih digunakan untuk merawat penyakit angin tercatat dalam kitab *Mujarrobat*

Melayu. Dalam proses pengubatan tersebut bahan-bahan yang dinyatakan di atas perlu dicampurkan dengan bahan lain bagi memperolehi kemujarabannya. Hal tersebut dinyatakan seperti berikut:

(Faedah) ini suatu faedah bagi pedih sakit kena api engkau tumbukkan **bawang merah** yang mentah dan engkau perahkan airnya dan engkau tumbuk garam halus-halus dan engkau campur dengan itu air bawang dan engkau campur pula dengan telur putih elok-elok hingga jadilah ia seperti minyak lenga dan engkau jadikan dia di dalam perca-perca kain kulit kayu yang putih yang lama kemudian daripada engkau tambah kebekas sabun baru dan engkau hantarkan dengan itu perca di atas tempat terbagi itu maka bahawasanya jadilah sejuk sakitnya dan ringanlah dan jadi kuping dan hilang dengan segera dengan izin Allah Taala ... (*Mujarrobot Melayu*, 1882: 27).

(Bermula ubat angin dan lainnya iaitu ambil beras sekira-kira habis orang seorang makan maka masak seperti mana adat memasak nasi gulai jua maka adalah rempahnya itu **bawang putih** sahaja tetapi sama banyaknya dengan beras itu jua dan ayamnya seekor sekira habis seorang memakan dia maka makannya demikianlah beratnya maka perbuatlah seperti mana memasak nasi gulai setelah sudah maka makanlah hingga habis semuanya sama sekali inilah adat daripada jika nabawi (*Mujarrobot Melayu*, 1882: 48).

Selain itu, *Mujarrobot Melayu* juga turut menyatakan fungsi roman padi yang digunakan untuk merawat serira (badan) perempuan jika dicampurkan dengan kulit jambu hutan bersama kulit, pucuk dan akar anggur. Duduk pula digunakan untuk merawat sakit kencing dan cekur yang dicampur madu digunakan untuk mengatasi masalah gemuk. Hal tersebut dinyatakan seperti berikut:

(Bermula khasiat **roman padi**) kulit jambu hutan dan kulit anggur dan pucuknya dan akarnya dan digiling lumat-lumat maka bubuh air madu maka minum tiga pagi InsyaAllah membaikkan serira perempuan Mujarabat (*Mujarrobot Melayu*, 1882: 53)

(Khasiat **duduk** yang terpenting) maka bakar ambil arangnya digiling lumat-lumat kemudian ditaruh gula pasir sedikit maka diminumnya tiga pagi oleh orang yang sakit kencing afiat InsyaAlah (*Mujarrobot Melayu*, 1882: 54).

(Dan) barang siapa sangat gemuk maka dimakannya dengan air madu dan **cekur** nescaya kurus ia ah mujarab (*Mujarrobot Melayu*, 1882: 51).

Selain tumbuhan, haiwan juga turut digunakan sebagai ramuan untuk merawat pelbagai jenis penyakit. Namun begitu penggunaannya terbatas kepada bahagian-bahagian tertentu yang terdapat pada tubuh sesuatu binatang. Teks tersebut turut menyatakan khasiat haiwan seperti tarwilu cina atau arnab, buaya, kambing dan rusa. Misalnya bulu arnab boleh digunakan untuk merawat luka dan hempedu arnab jika diminum bersama madu dan dadih tawar boleh menghamilkan wanita. Teks tersebut turut menyatakan mata buaya dapat mengubati penyakit mata dan hati buaya dikatakan dapat mengubati penyakit gila. Dalam teks *Mujarrobot Melayu* misalnya, penggunaan haiwan sebagai ramuan perubatan adalah seperti berikut:

(Bermula khasiat **tarwilu cina**) yakni **arnab** bermula bulunya menahankan darah jika dibakar ditaruh atas lukanya maka tiadalah keluar darahnya (dan) hempedunya jika diminum oleh perempuan dengan air madu dan kepada dadih yang tawar sah nescaya buntinglah ia (dan) darahnya (dan) isi perutnya dibubuhnya pada tubuh hampir hentikan segala penyakit yang sudah lama, disapukan pada sekelian tubuhnya dan badannya (dan

manakala) dimasakkan tiada terbuang jua suatu daripada mujarab nescaya menghancurkan batu-batu karang (dan jika) dimakan satu berat tiap-tiap hari hingga tujuh hari menahankan uban rambut kita mujarab hendaklah dimakan dengan air susu berat dua-dua rial (dan lagi abu) tulangnya menghancurkan lendir diminum atau dicampurkan dengan air maka sapukan (dan) air sah kencingnya apabila dititikkan di dalam mata menerangkan mata daripada melihat memandangan (dan) matanya apabila dipagi memberi hebat atas yang memakai dia (*Mujarrobat Melayu*, 1882: 50).

(Bab ini fasal pada menyatakan ubat-ubat yakni khasiat **badan buaya**) mula-mula disebut akan khasiat matanya jika sakit mata kita kanan maka ambil mata kanan buaya maka dibubuhkan ubat mata kita jika sakit mata kiri maka dibubuh pada mata kiri dan sebagai lagi kaifiat buaya jua akan ubat tuli telinga dan sebagai lagi nahatnya (tahinya) buaya juga akan ubat mata putih sekalipun mata itu inilah ubatnya InsyaAllah Taala mujarab ... (Dan sebagai lagi) khasiat hati buaya akan ubat orang sakit gila maka ditunun¹ pada api hati itu maka diasapkan pada orang yang sakit itu tiga hari berturut-turut InsyaAllah mujarab (*Mujarrobat Melayu*, 1882: 60-61).

Dalam *Mujarrobat Melayu* juga turut disebut tentang tanduk rusa yang dikatakan berkhasiat untuk mengubati demam dan sakit kepala. Hal tersebut dinyatakan seperti berikut:

(Dan demikian lagi) faedah **tanduk rusa** kan ubat demam jua dan sakit kepala maka ditunun tanduk itu maka ambil abunya dicampur di dalam sayur ada campur dengan air maka diminumlah oleh orang yang sakit dan yang sakit kepala serap dalam hidungan, khasiat tanduk rusa maka ditunun kedua-duanya maka ambil abunya maka dicampur dengan cuka maka dibubuh akan orang yang sakit sopak atau susut atau kedi tetapi syaratnya berduduklah dalam hari InsyaAllah Taala mujarab (*Mujarrobat Melayu*, 1882: 61).

Selain masyarakat Melayu, kebanyakan etnik pribumi di seluruh dunia mempercayai bahan berasaskan haiwan dapat menyembuhkan penyakit tanpa perlu bukti kesahihan dari aspek saintifik dalam penyembuhan penyakit. Sesuatu suku bangsa dan masyarakat pedalaman mempunyai pengetahuan yang luas dalam perubatan berasaskan alam semula jadi daripada tumbuhan dan juga haiwan. Pengetahuan individu dalam sesuatu komuniti berbeza mengikut faktor jantina, umur, dan status individu dalam sesuatu komuniti. Sehingga kini, kebanyakan masyarakat di pedalaman bergantung kepada sistem perubatan tradisional tempatan sebagai panduan utama untuk penjagaan kesihatan. Hal ini disebabkan kemudahan kesihatan seperti hospital dan pusat rawatan moden sukar didapati atau tiada di kawasan pedalaman (Siti Zubaidah et al., 2012).

Makna tersirat

Teks-teks perubatan Melayu misalnya merakamkan pelbagai simbol dan makna tersirat. Makalah ini akan mengemukakan contoh-contoh makna tersirat yang melambangkan kebijakan masyarakat Melayu. Bayangkan bagaimana masyarakat Melayu dahulu dapat menggunakan huruf-huruf dan angka bertulisan Jawi sebagai agen yang dapat membantu memulihkan penyakit.

¹ Dalam sastera lama ada istilah yang disebut tunu yang bermakna dimakan api, terbakar (*Kamus Dewan*, 2000: 1496).

Hal ini dapat dilihat menerusi wafak yang terdapat dalam teks *Mujarrobot Melayu* seperti berikut:

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| ص | ع | ي | ه | ك |
| ع | ه | ك | ص | ع |
| ك | ص | ع | ي | ه |
| ع | ي | ه | ك | ص |
| ه | ك | ص | ع | ي |

Rajah 2. Wafak lima ruang

Wafak atau wifik menurut Abdul Razak Ab. Karim (2001) ialah sandi Arab (simbol) yang berupa angka, huruf dan kalam Arab (biasanya ayat-ayat al-Quran) yang digunakan untuk tujuan tertentu. Di dalam teks *Mujarrobot Melayu*, wafak merujuk kepada rajah-rajah yang mengandungi nombor-nombor dan huruf-huruf dalam tulisan Jawi.

Wafak di atas digunakan untuk menang dalam perang dan menghilangkan dukacita (*Mujarrobot Melayu*, 18). Huruf-huruf di atas jika disambungkan menjadi كهيصص (kaf, ha, ya, ain, sod). Setiap huruf mengandungi maksud seperti berikut:

Jadual 1. Makna huruf Hijaiyyah

| Huruf | Perkataan Arab | Maksud |
|---------|----------------|--|
| kaf (ك) | Kafi (كافي) | Yang Mencukupkan (Syeikh Mohd. Idris Abdul Rauf al-Marbawi, 1990: 192). |
| ha (ه) | Hadi (هادي) | Penuntun iaitu Dia memimpin hamba-hamba menuju kejayaan serta mengarahkan berbakti kepada manusia (99 nama Allah, 1998: 94). |
| ya (ي) | Bari (باري) | Penjadi iaitu Dia menjadikan segalanya sempurna (Ibid., 12). |
| ain (ع) | Alim (عليم) | Yang Maha Mengetahui iaitu Dia mengetahui segala-galanya (Ibid., 19). |
| sod (ص) | Sidik (صادق) | Kebenaran (Abdul Rauf Dato' Haji Hassan, Abdul Halim Saleh dan Khairul Amin Mohd, 2004:23). |

Berdasarkan contoh di atas didapati simbol huruf Jawi yang digunakan dalam wafak tersebut mempunyai maksud tersirat. Ianya berkait dengan nama-nama Allah yang di dalamnya terkandung sifat Allah. Melalui huruf-huruf dalam wafak tersebut diharapkan seseorang akan menang di dalam peperangan dan menghapuskan rasa dukacitanya.

Selain itu terdapat juga perkataan-perkataan wafak yang mengandungi angka Arab digunakan seperti berikut:

| | | | |
|----|----|----|----|
| ١٠ | ٤٧ | ١ | ٤١ |
| ١٩ | ٢ | ٧٩ | ١١ |
| ٨٨ | ٨ | ٣٢ | ٣ |
| ع | ٢١ | ٩ | ٧٧ |

Rajah 3. Wafak empat ruang

Wafak di atas dinamakan wafak empat ruang kerana menggunakan empat ruangan kota secara menegak dan melintang. Ia digunakan untuk menjinak-jinakkan lelaki dan perempuan yang suka berkelahi. Bagi tujuan tersebut wafak ini perlu ditulis pada hari Khamis dan di sekelilingnya ditulis dengan ayat dari Al-Quran iaitu (يحبوهم كحب الله والذين امنوا اشد حبا لله لو انفقتم افي الارض جميعا ما الفت بين قلوبهم ولا كن الله الفت بينهم) dan diberi minum kepada suami isteri tersebut pada hari Jumaat.²

Jika dirujuk kepada bidang pengubatan tradisional, wafak tersebut memperlihatkan angka-angka seperti satu, dua, tiga, tujuh, lapan dan sembilan. Angka tersebut memainkan peranan yang penting dan mengandungi maksud yang tersirat. Haron Daud (2001) dalam bukunya *Mantera Melayu analisis pemikiran* menyatakan angka-angka mempunyai maksud seperti berikut:

- Angka 1 tunggal simbol kekeramatan dan keunggulan
- Angka 4 merujuk kepada bilangan dan kedudukan (malaikat – Jibrail, Mikail, Israfil dan Izrail, sahabat nabi – Abu Bakar, Umar, Usman dan Ali, unsur alam – tanah, air, api dan angin, arah Mata angin – utara, selatan, timur dan barat). Angka 4 ialah angka jitu, tidak boleh dipisahkan dan lengkap melengkap
- Angka 5 melambangkan keunggulan Hang Tuah lima bersaudara, Pendawa Lima – Darmawangsa, Bima, Arjuna, Sakula dan Sadewa, Kedatangan Islam lima sahabat – Nabi dan sahabat, Rukun Islam, Solat lima waktu,
- Angka 7 boleh disifatkan sebagai keramat, simbol kekuatan, kebesaran dan keluarbiasaan sesuatu yang berkaitan dengan penyebutan berkenaan. Contohnya:
 - a. “bintang tujuh di matakau” – kecantikan sinaran dan kerlipan mata
 - b. “tujuh petala langit, tujuh petala bumi” – keluasan kuasa yang menjangkau tujuh lapis langit dan tujuh lapis bumi
 - c. “basuh anggota tujuh” – kepala, hidung, mulut, telinga, mata, kaki dan tangan
 - d. “Bidan tujuh” – Siti Hawa, Siti Fatimah, Siti Selamah, Siti Zarah, Siti Aminah, Siti Esah, Siti Hudoh, Siti Khalijah

Kesimpulan

Penjagaan kesihatan dan rawatan penyakit merupakan falsafah yang diakui oleh pengamal pengubatan tradisional Melayu. Peranan pengamal pengubatan ialah untuk memelihara kesihatan semasa seseorang masih sihat dan untuk memulihkan keadaan sekiranya mengalami keuzuran. Dalam masyarakat Melayu khususnya, mereka telah mempunyai pakar-pakar perubatan tradisional yang terdiri daripada bomoh, pawang, dukun, tabib, bidan, dan tukang urut. Pakar-pakar perubatan yang mempunyai kemahiran tertentu ini sedia berkhidmat kepada masyarakat melalui ilmu yang mereka perolehi sama ada melalui warisan pusaka, menuntut ilmu, mimpi atau beberapa cara yang lain. Masyarakat Melayu juga percaya bahawa tubuh badan manusia

² Hari Jumaat bermaksud hari mereka berkelahi. Tidak dinyatakan sama ada wafak ini perlu ditulis di atas kertas, di atas pinggan putih atau di atas perca. Apa yang dinyatakan hanyalah “menghembuslah ia” lalu diberi minum kepada lelaki dan perempuan. Lihat *Mujarrabat Melayu*, hal. 16.

mempunyai keseimbangan antara elemen air, angin, darah dan lendir. Gangguan terhadap elemen-elemen ini dikatakan membawa kepada gejala tidak sihat dan perlu disembuhkan.

Sejajar dengan hal itu, ilmu pengubatan tradisional sebenarnya mencerminkan kepandaian minda masyarakat Melayu yang terakam secara indah dan halus dalam teks-teks bertulisan Jawi. Ia melambangkan intelektualisme masyarakat Melayu, lambang budaya, kesatuan antara manusia, alam dan pencipta dan penuh dengan makna tersirat. Ilmu ini merupakan warisan yang perlu dipelihara dan menjadi sumber pengetahuan untuk generasi akan datang.

Rujukan

- 99 nama Allah (1998) Kuala Lumpur: Far Publishing.
- Ab.Razak Ab Karim (2006) *Analisis bahasa dalam Kitab Tib Pontianak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rauf Dato' Haji Hassan, Abdul Halim Saleh & Khairul Amin Mohd (2004) *Kamus bahasa Melayu-bahasa Arab, bahasa Arab-bahasa Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Abon Haji Abdul Samad (2006) Dukun dan perubatan. Temu bual, 21 Jun.
- Amran Kasimin & Zulkarnain Zakaria (1994) *Histeria: pencegahan dan rawatan*. Kuala Lumpur: Dinie Publisher.
- Amran Kasimin (1991) *Darussyifa bangunan persatuan kebajikan dan pengubatan Islam Bandar baru Bangi Selangor Darul Ehsan*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd..
- Amran Kasimin (2006) *Unsur-unsur menurun dalam persembahan teater Melayu teater tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ensiklopedi Nasional Indonesia* (1989) Jilid 7. Jakarta: PT Cipta Adi Pustaka.
- Haliza Mohd Riji (2000) *Prinsip dan amalan dalam perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hanapi Dollah (2005) Pengiraan dalam kehidupan seharian dlm. Rogayah A. Hamid dan Mariam Salim. *Kepustakaan ilmu tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Daud (2001) *Mentera Melayu analisis pemikiran*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Hartini Mohd Nawawi (2006) 4 peranan bomoh Melayu dlm. *Harian Metro*. 14 Mac.
- Harun Mat Piah dr. (2006) *Kesusasteraan Melayu tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan Hamzah (1997) *Kamus Ensiklopedia*. Jilid 1. Shah Alam: Anzagain Sdn. Bhd..
- Hashim Awang (2010) Penyakit dalam Kitab Tib Melayu: Manifestasi Pemikiran Masyarakat Melayu tentang Perubatan. Dlm.A.Aziz Deraman (pnys.). *Peradaban Melayu Timur Laut*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan pustaka.
- Jahid Sidek (2004) *Berpawang dan bersahabat dengan jin daripada perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd..
- Jalaluddin Abdul Malek (2014) Intelektual pembangunan: Antara yang menyumbang dan mendendang *Geografia Malaysian Journal of Society and Space* 10(1), 147-159.
- Jurry Foo@Jurry bt. F Michael, Mustafa Omar, Ahmad Aldrie Amir & Abdul Latiff Mohamad (2014) Faktor kelangsungan pasaran tumbuhan ubatan di Tamu Pantai Barat Sabah: Satu tinjauan awal. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space* 10 (2), 115-126.
- Mohd Taib Osman (1977) Perbomohan: Satu Aspek World View dalam Kebudayaan Melayu. Dalam *Masyarakat melayu antara tradisi dan perubahan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Mohd. Ali Abu Bakar (1988) *Konsep keilmuan menurut Islam*. Kelantan: Pustaka Aman Press.

- Muhammad Ridhwan Sarifin & Mohamad Fauzi Sukimi (2016) Serupa tapi berbeza: Kajian kes komuniti Bawean Kampung Sungai Tiram, Johor Malaysia. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space* **12** (5), 1-10.
- Mujarabat Melayu* (1882) Pulau Pinang: Percetakan al-Muarif.
- Noor Azlan Mohd. Noor (2002) *Sistem perubatan Melayu tradisional*. Akademi Pengajian Melayu: Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nurhalim Haji Ibrahim (1997) *Perubatan tradisional*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd..
- Siti Zubaidah, Norsuhana AH & Fatan Hamamah Y (2012) Penggunaan haiwan bagi perubatan tradisional dalam kalangan masyarakat pribumi di Asia: Satu ulasan. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space* **8** (3), 52- 60.
- Syeikh Mohd. Idris Abdul Rauf al-Marbawi (1990) *Kamus Idris al-Marwabi*. Kuala Lumpur: Penerbit Zulfakar.